

UBD juara Kejohanan Bola Sepak 9 Sepasukan IPT

■ Siaran Akhbar dan Foto: Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 November. - Pasukan Universiti Brunei Darussalam (UBD) dinobatkan sebagai johan pada Kejohanan Bola Sepak Sembilan Orang Sepasukan antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Negara Brunei Darussalam (NBD).

Manakala naib johan disandang oleh Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) sementara tempat ketiga diraih oleh UNISSA (B).

Kejohanan yang dianjurkan oleh Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Pejabat Estet berkenaan berlangsung di padang bola, UNISSA yang melibatkan tenaga akademik, pegawai dan kakitangan IPT.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Antara pasukan yang menyertai kejohanan berkenaan terdiri daripada

UNISSA selaku tuan rumah; UBD; Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan IBTE.

Kejohanan berkenaan dijalankan mengikut sistem liga, iaitu mengumpul mata bagi menentukan kedudukan di dalam liga.

Kejohanan berkenaan dihasratkan bagi mencari para pemain yang berpotensi untuk mewakili UNISSA dalam sukan bola sepak antara jabatan-jabatan Kementerian Pendidikan dan IPT di NBD.

Acara berkenaan juga bertujuan untuk menggalakkan warga UNISSA bergiat aktif dalam sukan demi untuk kesihatan tubuh badan dan kecergasan fizikal dan mental di samping menanam dan memupuk semangat kesukanan, semangat silaturahim, bersatu padu, setia kawan, harmoni dan sejahtera serta untuk menimbulkan perasaan ukhuwah dalam kalangan para pegawai dan kakitangan yang ikut serta dalam kejohanan berkenaan.



REKTOR UNISSA menyampaikan piala kemenangan kepada Pasukan Universiti Brunei Darussalam, yang menjuarai Kejohanan Bola Sepak Sembilan Orang Sepasukan antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Negara Brunei Darussalam.